

28/10/91

ADAT DI REMBAU

PROGRAM : BACELOR SAINS PERTANIAN

NAMA	:	ROSLIN BINTI A. GHANI	(31335) ✓
		EVELYN ANAK JUGI	(31333) ✓
		BETI BINTI EDI	(31336) ✓
		NOOR ASMA BINTI AHMAD	(30395) ✓
		RADIN ASMAWATI RADEN MAHMUD	(31334) ✓

SKS 205

(MASYARAKAT DAN PERUBAHAN)

JABATAN SAINS KEMASYARAKATAN

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

OKTOBER 1991

Prakata

Projek yang dijalankan ini adalah sebagai satu syarat untuk lulus dalam kursus SKS 205 (Masyarakat dan Perubahan). Tujuannya adalah supaya para pelajar dapat menganalisa dan menyelidiki sendiri tentang masyarakat di sekelilingnya dan mengetahui sejauh manakah perubahan yang telah berlaku.

Kumpulan kami telah memilih satu tajuk iaitu Adat di Rembau. Dengan adanya projek ini ianya telah banyak memberi pengetahuan dan pengalaman dalam usaha mencari data-data yang diperlukan. Projek ini juga memberi peluang kepada kami untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang Adat di Rembau yang mana masa kini kurang dipraktikkan.

Secara keseluruhannya projek ini telah memberi kesempatan kepada kumpulan kami untuk mengetahui adat yang lama yang diamalkan oleh orang dulu-dulu. Walaupun kini ianya masih diamalkan tetapi serba sedikit ianya telah mengalami pengubahsuaian dan perubahan.

Penghargaan

Dengan kesempatan ini kumpulan kami ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada Encik Norhalim bin Ibrahim atas panduan dan bimbingan yang diberikan dalam usaha untuk menjayakan kertas kerja ini. Ucapan terimakasih juga kami ucapkan kepada Datuk Purba Abdul Aziz atas kerjasama yang beliau berikan dan kerana sanggup untuk meluangkan masa. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada penduduk Kampung Kundur Tengah di atas maklumat-maklumat yang mereka berikan. Tidak ketinggalan juga kepada semua ahli kumpulan kerana telah bertungkus lumus dan saling bekerjasama dalam menjayakan kertas kerja ini.

Halaman Kandungan

	muka surat
Halaman tejuk	i
Prakata	ii
Penghargaan	iii
Halaman kandungan	iv
1.0 Pengenalan	1
2.0 Sosial	4
2.1.1 Adat Kelahiran	4
2.1.2 Adat 'rite de passage'	6
a. Berkhatan/ sunat rasul	6
b. Khatam Quran	8
2.1.3 Adat Nikah Kah win	10
a. Merisik duai	10
b. Cincin tanya	11
c. Cincin tanya	13
d. Semasa pertunangan	14
i. Pertunangan terbatal	14
ii. Cara dalam bertunang	15
iii. Jika meninggalkan salah satu	15
iv. Jika perempuan berkasih- kasih dengan lelaki lain	15
2.1.4 Olek kahwin	17
a. Olek biasa	21
b. Olek buapak	29
c. Olek Lembaga	29
d. Olek Undang	30
2.1.5 Kahwin Luar biasa	31
a. Merumah	31
b. Menyera	32
c. Kahwin lari	33
d. Terkurung	34

	muka surat	
2.1.6	Adat istiadat menunggu kelahiran	35
a.	Lenggang perut	35
b.	Tempah bidan	37
2.1.7	Penderaian	38
a.	Bercerai hidup	38
b.	Bercerai mati	41
2.1.8	Adat kematian	42
3.0	Ekonomi	46
3.1	Adat istiadat pertahunan	46
3.1.1	Berpuar	46
3.1.2	Menyemai	48
3.1.3	Turun benih	49
3.1.4	Turun ke sawah	50
4.0	Penutup	52
Rujukan		53
Lampiran		54 - 79

1.0 Pengenalan

' Biar mati anak, jangan mati adat ', begitulah betapa pentingnya adat di kalangan masyarakat terutamanya masyarakat melayu.

Adat ialah peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun sejak dahulu kala di dalam sesuatu masyarakat yang kadang kala sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi oleh sesuatu kaum.


Di Malaysia, salah satu adat yang masih kuat diamalkan ialah adat di Rembau. Adat ini diamalkan oleh para penduduk di sebuah daerah yang terletak di Negeri Sembilan iaitu Rembau. Bagi orang-orang Rembau, terdapat serangkap kata yang selalu menjadi sebutan mereka:

" Gagak putih, gagak senawi,
Turun dari bukit berkaki empat,
Bangau putih dari laut,
Datang dari laut berkepak sayap "

Kata ibarat itu bermaksud bahawa penduduk Rembau adalah diiberatkan sebagai "gagak hitam dari bukit" manakala penduduk mula-mula mendiami Rembau yang datang dari Minangkabau yang diberi kuasa pendudukan dan kepercayaan diumpamakan sebagai "bangau putih dari laut".

Terdapat banyak riwayat mengenai sejarah kemasukan orang-orang Minangkabau masuk ke Rembau. Diantara riwayat tersebut ialah yang menyatakan bahawa orang-orang Minangkabau mula masuk ke Rembau dalam tahun 1388 m (773 m) iaitu dari perkahwinan seorang lelaki dari Minangkabau dengan seorang penduduk asli Rembau dan mewujudkan suku waris Biuanda. Selain daripada itu terdapat banyak lagi riwayat sedemikian tetapi sama ada ianya benar atau tidak adalah sukar untuk dipastikan.

Rembau mempunyai satu struktur paradigmatic hirarki politik tradisi yang tersendiri yang memerintah dan menjaga adat di daerah Rembau. Struktur tersebut adalah seperti berikut:



Penduduk di Negeri Sembilan khasnya, dan Rembau amnya terbahagi

kepada suku-suku seperti berikut:

1. Tanah datar
2. Batu Hampar
3. Semalanggan
4. Mungkal
5. Paya kumbuh
6. Batu Berang
7. Tiga Batu
8. Tiga Nenek
9. Sri Lemak Minangkabau
10. Sri Lemak Pahang
11. Anak Aceh
12. Biduanda

Adat-adat yang terdapat di Rembau adalah meliputi sosial dan ekonomi.

Adat-adat sosial ini kebiasaannya diamalkan terutama sekali untuk adat-istiadat dalam pusingan hidup individu seperti kelahiran, 'rite de passage', perkahwinan, penceraian dan kematian.

Adat-adat di segi ekonomi pula ialah adat yang dipraktikkan semasa melakukan kegiatan ekonomi seperti di bidang pertanian dan seumpama dengannya.

Secara ringkasnya, adat-adat yang diamalkan di Rembau adalah meliputi kebanyakan aspek kehidupan harian masyarakat tersebut.

2.0 Sosial

2.1.1 Adat Kelahiran

Setelah genap sembilan bulan mengandung maka sampailah masanya untuk seorang ibu untuk melahirkan kandungannya. Apabila ibu tersebut telah mula merasa sakit untuk bersalin bidan pun dipanggil. Bidan yang dipanggil ialah bidan yang telah ditempah semasa melenggang perut. Bidan inilah yang bertanggungjawab untuk menjaga ibu dan bayi yang bakal dilahirkan.

Sebelum bayi dimandikan pusat bayi dikerat dengan buluh. Darah tali pusat yang melekat pada uri dicecahkan ke mulut bayi sebelum dipotong. Tali pusat tersebut digintil dengan abu sehingga lembut dan diikat dengan tujuh helai tali terap kemudian barulah dipotong.

Kemudian bayi tersebut dimandikan. Begitu juga dengan Si ibu. Selepas itu Si ibu disandarkan pada bantal. Ini dinamakan sebagai 'naik sendar'.

Selepas bayi dimandikan, bayi disazankan dan garam dicecahkan ke mulut bayi tersebut. Untuk mempercepatkan pusat bayi mengecut, kunyit dan garam yang ditumbuk dipupuk pada pusat bayi dan dipekan dengan daun sireh yang dilayur atas api.

Selepas itu bayi akan dimasukkan ke dalam kain yang direntang oleh seseorang. Semasa ini orang merentang kain tadi akan mengucapkan kata-kata seolah-olah berlagu kepada anak tersebut. Jika anak perempuan ianya berbunyi seperti:

" kus semangat
dapat bunga sekuntum
balik dari belayar"

Jika anak lelaki yang dilahirkan ianya berbunyi seperti;

" kus semangat
dapat seekor kambing
balik dari belayar"

Untuk menjaga kesihatan bayi, ubat disapukan pada badan bayi. Ubat ini dibuat daripada kunyit yang ditumbuk dandicampurkan dengan kapur, kemudian panaskan. Ini dilakukan oleh bidan dan mak mertua(mak Si lelaki) akan membayar upah kepada bidan tersebut.

Bayi akan dicukur selepas tujuh hari atau 14 hari selepas bersalin. Kenduri ini dinamakan 'berbesan'. Pada hari berbesan ini nenek dari pihak lelaki akan membawa tapak sireh, nasi pulut satu semerit, sepuluh biji telur, seekor ayam panggang dan alat-alat kelengkapan bayi. Semasa mereka datang, mereka akan berpantun yang berbunyi ;

" Dulu anak kita kecil,
Dididik gedang (besar),
Dah gedang nak berumahtangga,
Dah berumahtangga,
Adalah keuntungan kita,
Dah bercucu kita,
Maka sahlah kita berbesan."

2.1.2 Adat rite de passage

a. Berkhatan/sunat Rasul

Berkhatan atau sunat Rasul dijalankan selama 2 hari 2 malam. Pada hari tersebut keluarga kanak-kanak yang dikhatankan akan mengadakan kenduri dengan menjemput seluruh penduduk kampung.

Kanak-kanak yang hendak dikhatankan diperlakukan seperti pengantin di mana dia akan disandingkan pada waktu malam dan diiringi oleh pukulan rebana.

Pada keesokan harinya sebelum upacara berkhatan dijalankan kanak-kanak tersebut akan ditepung tawar terlebih dahulu. Kemudian kanak-kanak tersebut akan di arak. Setelah selesai perarakan tersebut orang-orang kampung akan berdirir dan berzanji.

Jika kanak-kanak tersebut mempunyai tahi lalat dikemaluannya seekor ayam akan disediakan untuk menghalau jembalang. Kemudian ayam tadi dilepaskan semula. Selepas malam berkhatan, saudara-mara keluarga tersebut akan berjaga beramai-ramai selama 3 malam. Pada malam ketiga upacara berdirir akan dilakukan semula. Pada keesokan harinya iaitu pada paginya upacara 'tanggal kundang' akan dilakukan.

Terdapat beberapa pantang larang yang mesti dituruti semasa seseorang berkhatan iaitu :

1. Tidak boleh minum banyak air
2. Lauk tidak boleh berkuah
3. Bila makan nasi tidak boleh tambah
4. Dilarang memegang kepala bendul
5. Dilarang memegang ulu parang

b. Khatam Quran

Khatam Quran ialah upacara yang dilakukan apabila seseorang telah tamat atau habis membaca Quran. Khatam Quran ini diadakan dalam satu majlis kenduri.

Jiran-jiran yang terdekat akan dijemput dan jika berkemampuan maka lebih ramai lagi yang akan dijemput.

Biasanya jika kenduri akan dibuat pada hari Ahad, jiran-jiran yang berdekatan dan saudara-mara akan datang pada hari Sabtu, petang.

Pada haritersebut mereka akan datang untuk membuat segala persiapan iaitu seperti membasuh dan merendam pulut, menyembelih ayam, membersihkannya dan juga memasak apa yang perlu untuk digunakan pada esoknya.

Pada malamnya pula mereka akan mengukus pulut dan membuat kuih untuk menjamu tetamu yang datang pada esoknya. Biasanya pulut untuk majlis khatam Quran ialah pulut putih iaitu pulut yang dikukus tanpa kunyit. Sebahagian daripada pulut tersebut akan diisi ke dalam 'pancar' dan bunga telur akan dicacakkan di atas pulut tersebut. Pulut dan telur akan diberikan kepada tetamu yang datang menyaksikan majlis berkhatam sebagai buah tangan dan sebagai tanda terima kasih dari tuan rumah.

Pada keesokan harinya iaitu pada hari Ahad, orang yang hendak berkhatam akan dihias seperti pengantin dan akan diarak dengan paluan rebana ke rumah di mana ia belajar mengaji dan selepas itu dibawa pulang semula ke rumah.

Selepas itu Imam dan para jemputan yang lain dijemput untuk mendengar bacaan Quran dari orang yang khatam tadi. Selepas selesai membaca Quran, guru yang mengajar mengaji akan diberi kain putih, pisau kecil dan sejumlah wang sebagai menghargai jasa beliau.

2.1.3 Adat Nikah Kahwin

i. Merisik duai

Merisik adalah proses pertama yang dilakukan oleh pihak lelaki sebelum pinangan dibuat ke atas pihak perempuan. Biasanya merisik duai ini adalah dilakukan oleh orang semenda. Pihak lelaki akan menghantar wakil mereka untuk pergi merisik anak dara yang diidamkan. Mula-mulanya wakil pihak lelaki akan pergi ke rumah perempuan. Apabila mereka sampai di rumah perempuan maka mereka akan mula menjalankan tugas mereka. Risikan dilakukan dengan menggunakan bahasa-bahasa kiasan, bukannya secara terus-terang. Biasanya kedua ibu bapa perempuan tersebut akan faham maksud mereka. Sebagai contohnya mereka akan mengatakan yang mereka datang untuk melihat bunga yang sedang mekar di taman dan kalau dibenarkan oleh tuan rumah mereka akan berbesar hati untuk menyuntingnya.

Apabila kedua ibu bapa si perempuan mendengar kiasan-kiasan tersebut maka jawapan akan diberi. Inilah saat-saat yang ditunggu oleh wakil tadi. Jika kedua ibu bapa perempuan bersetuju mereka akan membalasnya dengan kiasan juga iaitu dengan mengatakan bahawa mereka cukup gembira, bunga yang dibelai selama ini ingin disunting orang, tetapi jika mereka tidak setuju, jawapan yang diberi adalah dengan berbagai-

bagai alasan yang lembut agar tidak melukakan hati pihak lelaki. Antara alasan-alasan yang diberikan ialah seperti mengatakan bunga yang ada di taman belum cukup mekar (maksudnya anak mereka masih kecil) ataupun mereka mengatakan mereka masih belum sanggup untuk berpisah dengan bunga di taman itu tadi. Jika jawapan ini yang diberikan maka fahamlah wakil pihak lelaki tadi bahawa pihak perempuan tidak setuju.

Jika kedua ibu bapa perempuan tadi bersetuju, maka berlakulah perbinvangan selanjtnya. Kedua-dua pihak akan menetapkan tarikh untuk menghantar cincin tanya. Setelah persetujuan dicapai pihak lelaki akan balik.

ii. Cincin tanya

Ibu bapa si perempuan akan memberitahu waris yang terdekat bahawa pada tarikh yang telah dipersetujui pihak lelaki akan datang membawa cincin tanya. Biasanya majlis ini akan dihadiri oleh saudara mara yang terdekat sahaja.

Apabila sampai masa yang dijanjikan, akan datang pihak lelaki membawa cincin tanya dan biasanya emak dan bapa si lelaki ada bersama untuk melihat bakal menantu. Anak gadis akan dipanggil keluar sekejap untuk mengenali mertua dan kemudian disuruh masuk semula. Orang semenda akan membawa sebarang cincin dan menyerahkannya kepada pihak perempuan.

Pada masa ini juga wang hantaran akan ditetapkan. Pada masa inilah ke dua-dua pihak akan membuat perjanjian bahawa sehingga sampai kepada suatu masa yang ditetapkan jika pihak perempuan tidak menerima pinangan tersebut cincin akan dipulangkan semula. Proses ini dibuat di dalam ungkapan " Kok kini asalah rupanya datuk semua. (Cincin) ciikat janji dibuat janji. Adat tujuh hari, jauhnya dua kali tujuh hari, kadim dua hari menyelang ketiga. Kok ini kini, janji tujuh hari: cacat cida didalam janji sawan gila di luar janji- - Janji dibuat dimuliakan, janji sampai ditepati. Kok ini kini mendapati janjilah saya datang hari ini disuruh tempat semenda menepati janji dahulu suruh mengisi adat abak buah datuk semua keluba itu. Inilah dia saya bawakan-- saya tidak panjangkan kata, saya laksana terung, singkap daun ambil buah sahaja".

Setelah menerima cincin tanya, emak dan bapa si perempuan akan membawa cincin tersebut pergi dari satu rumah ke satu rumah iaitu berjumpa dengan setiap ahli suku mereka. Rumah pertama ialah rumah buapak. Jika ada salah seorang sahaja yang tidak bersetuju, maka pinangan tersebut akan ditolak dan cincin akan dipulangkan kembali. Tetapi sebaliknya jika semua bersetuju maka tarikh untuk melakukan pertunangan akan ditetapkan.

iii. Cincin tunang

Pihak lelaki akan membuat persiapan untuk pergi menghantar cincin tunang ke rumah perempuan. Saudara-mara yang jauh dan dekat akan dikumpulkan dan biasanya akan diadakan kenduri sebelum pergi menghantar cincin tersebut. Pada masa menghantar cincin orang semenda memainkan peranan untuk menyerahkan cincin kepada pihak perempuan (biasanya penerima cincin bagi pihak perempuan adalah buapak juga). Manakala di rumah pihak perempuan adalah lebih meriah lagi di mana pada sebelah malamnya ada majlis berzanji dan juga berdikir. Sanak saudara berkumpul, membuat kuih-muih dan memasak sebagai persediaan untuk menyambut kedatangan pihak lelaki pada pagi esoknya. Keesokan harinya pihak lelaki akan datang dan rombongan ini didahului oleh orang yang membawa tepak sireh. Kedatangan mereka akan disambut oleh orang semenda mereka dijemput naik ke rumah. Orang semenda pihak lelaki akan menyerahkan 'cincin pinang' kepada orang semenda pihak perempuan. Cincin tersebut diikat dengan tujuh helai benang merah. Di samping itu perundingan juga dilakukan untuk menentukan tarikh tarikh untuk membuat kenduri kahwin. Apabila segalanya selesai maka selesailah sudah proses peminangan. Perempuan dan lelaki tersebut sudah bertunang.

Semasa dalam tempoh pertunangan banyak larangan-larangan yang terpaksa dipatuhi iaitu seperti orang lelaki atau perempuan tidak boleh pergi ke hutan seorang diri kerana ditakuti akan mendapat bahaya kerana pasangan yang bertunang dikatakan 'darah manis' iaitu sehang mendapat kecelakaan. Di samping itu juga bila bulan puasa, si perempuan mesti menghantar juadah untuk berbuka puasa ke rumah bakal mertua. Juadah itu diisi ke dalam dulang tinggi, biasanya dulang tinggi itu diisi dengan 30 hingga 50 biji piring yang mengandungi berbagai-bagai jenis juadah. Dulang tinggi itu kemudiannya dibungkus atau dibalut pula dengan kain dan emak perempuan akan menghantarkannya ke rumah 'bisan' mereka. Juadah ini biasanya di hantar pada 15hb. Ramadhan.

iv. Semasa pertunangan

a. Pertunangan terbatal

Pertunangan akan terbatal jika didapati pasangan yang akan dijodohkan itu hilang akal, berpenyakit kusta, mati pucuk atau mempunyai lain-lain ke aiban . Wang adat mas kahwin akan dipulangkan oleh pihak perempuan. Pihak perempuan juga boleh menolak pertunangan jika si laki-laki berpenyakit untut atau sembab, gila ataupun tidak sanggup menyempurnakan nafkah.

b. Cara dalam bertunang

Jika semasa bertunang, si lelaki didapati membuat 'helah' maka segala wang adat kahwin, tanda pertunangan dan hantaran akan hilang. Jika ibu bapa pihak perempuan yang membuat 'helah' maka mereka terpaksa mengembalikan segala tanda pertunangan itu dengan berganda. Terdapat perbilangan adat yang berbunyi:

" Helah si laki-laki, tanda loncor,
Helah si perempuan, tanda ganda "

c. Jika meninggal salah satu

Semasa bertunang, jika salah seorang meninggal dunia maka wang adat dan sebarang yang didahulu-kan itu dikembalikan semula kepada pihak lelaki iaitu wang adat dikembalikan setengah dan barang-barang pemberian semuanya sekali.

d. Jika perempuan berkasih-kasihan dengan lelaki lain

Bagi perempuan jika didapati telah dicero bohi oleh lelaki lain maka ibu bapanya te paksa membayar kepada pihak lelaki dua kali ganda adat kahwin dan sebarang pemberian kecualian jika perkahwinan diteruskan juga. Bagi ibubapa yang menyembunyikan perbuatan mencero bohi le hormatan anaknya maka terpaksa membayar tiga kali ganda akan semua itu. Bagi lelaki yang melakukan perbuatan jahat ini terpaksa membayar \$50 kepada ibu si perempuan.

Jika setelah akad nikah dijalankan baru ia mengetahui bahawa ia terpedaya, iaitu isterinya telah rosak kehormatan maka beliau bolehlah memberi isyarat kepada kepada ibu mertuanya akan pendapatnya itu dengan menterbalikkan tepak sireh. Dia akan membayar adat kahwin sebagai seorang janda sahaja dan akan menerima balik wang adat yang selebihnya sebagai seorang anak dara itu.

2.1.4 Olek Kahwin

Sebelum satu-satu olek kahwin dibuat terdapat dua perkara yang perlu dilakukan iaitu:

- a. Ngampung waris
- b. Ambil kayu akar

a. Ngampung waris

Ngampung waris ialah keadaan di mana pada suatu hari yang ditetapkan (biasanya hari Ahad) semua ahli daripada suku yang berkenaan akan berkumpul di rumah orang yang hendak buat olek. Buapak juga dijemput. Pada hari ngampung waris ini buapak akan memastikan semua anak buahnya hadir melainkan jika ada keuzuran atau sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Pada hari ini juga jika ada di antara anak buahnya yang berselisih faham dengan orang yang hendak buat olek. Mereka akan didamaikan semula dan dengan ini akan menambahkan lagi keamatan hubungan antara mereka yang sama suku. Pada masa inilah buapak akan menjalankan tugasnya sebagai seorang pemimpin dalam suku mereka. Setelah semua orang berbaik-baik antara satu sama lain maka buapak akan membahagikan tugas kepada setiap anak buahnya. Setiap orang akan mempunyai tugas pada hari "ambil Kayu akar" nanti. Pada hari ini juga akan ditetapkan tarikh untuk ambil kayu akar iaitu biasanya satu minggu atau dua minggu sebelum olek.

b. Ambil kayu akar

Apabila sampai hari yang telah ditetapkan semua orang akan berkumpul di rumah orang yang hendak buat olek. Apabila kesemuanya sudah sampai maka mereka akan menjalankan tugas masing-masing sebagaimana yang telah diarahkan oleh buapak iaitu seperti pergi ambil buluh, ambil kayu api, ambil rotan dan lain-lain untuk membuat pelanggan dan khemah. Kerja ini biasanya dilakukan oleh orang lelaki.

Pada zaman dahulu, rumah biasanya dibuat daripada bahan-bahan seperti kayu, dindingnya dan lantainya dari batang bertam dan atapnya dari daun rumbia. Orang lelaki akan bergotong royong membetulkan keadaan rumah tersebut di mana yang perlu sebagai persiapan untuk menyambut kedatangan para jemputan iaitu atap akan diganti jika ianya rosak.

Bagi orang perempuan pula mereka akan membuat kerja seperti mencuci pinggan, memilih beras, menumbuk rempah dan cili serta membuat kerisik. Tugas buapak pada hari ini ialah memastikan semua kerja berjalan lancar. Dengan adanya kayu akar ini akan menyenangkan lagi kerja-kerja untuk melakukan olek kahwin.

Biasanya dua atau tiga hari sebelum olek kahwin diadakan buapak akan memberi tugas kepada beberapa

orang anak buah perempuannya untuk pergi menjemput semua waris dan orang kampung. Wakil tuan rumah ini akan pergi dari satu rumah ke satu rumah untuk menjemput dan andainya satu-satu rumah itu tidak ada orang, daun atau ranting pokok akan dipatahkan dan diletakkan atas tangga rumah tersebut, dengan ini tahulah tuan rumah bahawa ada orang datang menjemput semasa mereka tiada di rumah. Biasanya setiap orang yang dijemput akan menghadirkan diri.

Hari Mengacau

Hari mengacau ialah hari di mana para waris akan berkumpul dan mengacau atau membuat dodol. Ini dilakukan selepas kayu akar. Dodol dibuat sebagai persiapan untuk pergi jalan jejak selepas majlis perkahwinan nanti. Ini hanya dibuat di rumah orang perempuan. Dodol yang dibuat biasanya dalam kancah dan banyaknya adalah mengikut kemampuan tuan rumah. Dodol ini nanti bila telah masak akan di isi ke dalam daun mengkuang yang telah di bentuk menjadi bulat apabila hendak pergi jalan jejak nanti dodol akan di isi ke dalam "boko" satu bekas tembaga yang bentuknya melengkuang.

Hari Membasuh Beras

Hari membasuh beras ialah hari di mana waris-waris yang terdiri dari orang-orang perempuan datang ke rumah orang yang hendak kenduri. Mereka datang untuk mencuci beras dan beras pulut yang akan di masak pada hari kenduri kahwin nanti. Hari basuh beras adalah satu hari sebelum olek di buat.

Pasang Olek

Pasang olek ialah persiapan terakhir untuk sesuatu majlis perkahwinan dan majlis atau olek akan dirasmikan. Jika olek tersebut adalah oleh 'olek buapak' maka buapak yang akan merasmikan, jika 'olek Undang' undang yang merasmikan. Pada hari ini olek akan dimulakan dan biasanya mula dari sehari sebelum akad nikah dijalankan. Selain dari kerja-kerja seperti masak-memasak, kerja-kerja gantung-menggantung juga akan di buat oleh orang perempuan yang di ketuai oleh isteri buapak. Pada hari ini juga kelambu, pelamin dan tabir langit-langit akan digantung. Kerja-kerja ini mestilah diketahui oleh buapak. jika buapak tidak tahu, maka buapak boleh menghukum iaitu dengan mendenda.

a. Olek biasa

Di dalam satu-satu olek kahwin ini banyak perkara-perkara yang dilakukan dan ianya adalah lebih kompleks dan lebih rumit di rumah pengantin perempuan. Acara-acara yang diadakan di dalam olek adalah seperti pengantin perempuan berendam (mengendam).

i. Berendam

Alat-alat dan bahan-bahan yang digunakan :

1. Tepung tawar
2. Beras basuh dan beras kunyit
3. Mangkuk perasap
4. Kain putih - 1 ela
5. Daun lidah buaya

6. Telur di ambil dari ayam peliharaan sendiri
(telur ayam kampung).

7. Pisau cukur

Biasanya sebelum seseorang gadis yang hendak berkahwin akan diandamkan terlebih dahulu. Tujuan berandam ini adalah untuk melengkapkan atau menyiapkan diri bakal pengantin dengan segala ilmu dan di samping itu juga dengan berandam di percayai akan menaikkan seri wajah pengantin tersebut semasa bersanding nanti. Kerja-kerja mengandam pada zaman dahulu biasanya di jalankan oleh orang perempuan yang arif yang digelar " Mak Andam". Mengandam dilakukan tujuh hari atau 3 hari sebelum majlis perkahwinan. Bakal pengantin akan ditepung tawar dan diasapkan terlebih dahulu dan jampi serapah dibacakan oleh Mak andam. Selepas itu telur ayam akan dialihkan atau digolekkan pada bahagian muka bakal pengantin dengan tujuan untuk menghindarkan cahaya yang muram dari kelihatan di wajah pengantin dan untuk menaikkan seri wajah. Kemudian kaki rambut iaitu anak-anak rambut di dahi akan dibasahkan dengan air daun lidah buaya dan akan dipotong atau dicukur dengan pisau cukur. Dipercayai semasa kaki rambut dipotong atau dicukur mak andam akan mengetahui semada bakal pengantin itu masih ada dara atau tidak. Ini ditentukan dengan keadaan kaki rambut yang gugur. Jika kaki rambut gugur dengan berselerak ini menandakan gadis tersebut tidak dara lagi dan jika kaki rambut

itu gugur dengan keadaan bergumpal, ini menandakan gadis itu masih dara. Kaki rambut yang berhampiran dengan telinga (tepi telinga) akan ditinggalkan dan diikat dengan kain putih. Ini mempunyai maksud yang tersendiri iaitu apabila lepas kahwin nanti dan pengantin lelaki telah bersama dengan isterinya, kain itu akan di buka oleh suami ini menandakan antara suami dan isteri tersebut telah bertegur sapa; ini adalah kerana pada zaman dahulu kebanyakan orang kahwin adalah atas pilihan emak dan bapa.

Selain daripada itu, di samping menjalankan adat berendam mak andam akan menasihati bakal pengantin dengan segala pengalaman sebagai seorang isteri.

ii. Hari kahwin

Kenduri kahwin

Kenduri kahwin dimulakan sehari sebelum akad nikah dilakukan. Kerja-kerja yang dilakukan pada masa ini ialah memasak pulut, masak, masakan yang lain seperti acar, lauk-pauk lain dan juga merebus telur. Para waris akan datang membuat kerja. Mereka datang membawa bakul sia yang diisi dengan beras dan disamping itu ada juga barang-barang lain yang dibawa bersama sebagai buah tangan kepada tuan rumah. Sebagai tanda terima kasih tuan rumah sebiji telur akan diisi semula ke dalam bakul sia.

Majlis akad nikah

Sebelum pengantin lelaki datang untuk akad nikah, orang semenda akan pergi ke rumah pengantin lelaki untuk adat seperti mas kahwin, barang hantaran dan lain-lain. Tujuan utama pergi menjemput ini ialah untuk jemput pengantin untuk menjalankan akad nikah. Majlis akad nikah biasanya dijalankan pada waktu malam. Apabila sampai di rumah perempuan maka akad pun dijalankan. Selepas akad kedua-dua pengantin akan disandingkan atas pelamin dan ditepung tawarkan. Selepas ditepung tawar barulah majlis berinai dilakukan.

Berinai

Berinai ialah upacara di mana pengantin lelaki dan pengantin perempuan akan diinai. Inai adalah dibuat dari daun inai yang ditumbuk dicampurkan dengan gambir dan air asam limau. Bagi pengantin lelaki inai akan diletakkan pada tangannya oleh bini 'pak menda' dan pengantin perempuan akan diinaikan oleh kaum keluarganya sendiri. Di daerah Rembau pada berinai ini akan diiringi oleh pukulan rebana dan kadang-kadang diadakan juga tarian yang menggunakan piring, lilin dan cincin.

Cincin akan diletakkan di jari, lilin di pasang di dalam piring, sambil menari cincin di jari akan diketuk-ketukkan ke piring dan ini akan melahirkan irama yang unik. Di samping itu dikir dan berzanji juga akan dilakukan. Berinai adalah selepas akad, Lepas berinai pengantin lelaki akan balik semula ke rumahnya.

Selepas berinai pagi esoknya pengantin lelaki datang semula ke rumah pengantin perempuan tetapi dia tidak boleh terus masuk ke dalam rumah, dia mesti menunggu di luar pagar. Pengantin perempuan akan pergi menjemput pengantin lelaki ke rumah. Ini memberi pengajaran supaya isteri menjemput suami apabila balik dari kerja. Apabila pengantin perempuan sampai di tempat pengantin lelaki, mereka akan disarak dengan rebana ke rumah pengantin perempuan. Jika olek itu adalah 'olek buapak' dan 'olek undang' pengantin akan dikandar dengan satu alat yang dibuat dari buluh atau pun dikandar di atas bahu saja. Orang yang mengandar ialah orang semenda, mereka ini akan dibayar upah. Jika olek yang dibuat ialah olek biasa, pasangan pengantin hanya berjalan sahaja sehingga sampai di halaman rumah. Apabila sampai di halaman rumah, mereka akan disandingkan di atas kerusi yang diletakkan atas tikar. Semasa

mereka bersanding budak atau orang-orang lelaki akan bersilat. Selepas pencak silat, barulah kedua pengantin naik ke atas rumah. Sampai di atas pelamin. Sebelum masuk ke tempat bersanding, pengantin lelaki akan ditahan di pintu dan di minta membayar 'upah pintu' kepada pihak perempuan. Selepas membayar upah pintu barulah pengantin lelaki dibenarkan duduk di atas pelamin.

Acara Suap-suap

Ketika di atas pelamin mak andam dan pengiring perempuan akan menjalankan acara suap-suap di mana pada mulanya pihak lelaki akan cuba menuapkan tiga kepal pulut ke mulut pengantin perempuan tetapi mak andam akan mempertahankan pihak perempuan iaitu mengelakkan pulut dari masuk ke mulut pengantin perempuan. Selepas itu, pengantin perempuan akan membuat perkara yang sama terhadap pengantin lelaki. Tujuannya adalah untuk memupuk atau mewujudkan kemesraan antara pasangan pengantin. Selepas itu barulah acara menyembah dijalankan.

Menyembah

Selepas acara suap-suap pengantin lelaki dan pengantin perempuan akan turun dari pelamin dan menyembah bapa, mak mertua, abang, pak cik, makcik, pak menda dan lain-lain keluarga yang

terdekat (untuk mengenal keluarga). Orang yang menjemput sentiasa ada dan mereka akan memperkenalkan kaum keluarga dengan pengantin. Orang ini akan dibayar upah iaitu sebanyak \$2.00 pada zaman dahulu dan \$30.00 buat masa sekarang.

Adat Mangkas

Selain dari menyembah ada juga adat yang dipanggil "adat mangkas" iaitu di mana para keluarga terdekat dipanggil untuk menepung tawar kedua mempelai. Di samping itu ada juga yang memberi hadiah berupa wang kepada pengantin. Setiap orang yang mangkas akan diberi bunga telur dari pahar. Selepas itu majlis bersanding akan selesai. Setelah selesai bersanding upacara turun mandi-mandian diadakan.

Turun Mandi-mandian

Kedua-dua pengantin dibawa turun atas rumah melalui pintu dapur, diarak dengan rebana sehingga sampai ke tempat yang disediakan. Tempat ini telah dihias terlebih dahulu. Kononnya tujuan mandi-mandian itu ialah untuk mengajar pasangan tersebut mandi wajib. Upacara ini dilakukan oleh pawang. Mula-mula pasangan pengantin akan ditepung tawarkan. Selepas itu pasangan pengantin akan disirem atau dimandikan oleh datuk lembaga,

buapak dan orang besar yang lain dengan air kelapa. Pada malam selepas mandi-mandian itu barulah pengantin lelaki tidur di rumah perempuan. Setelah selesai mandi-mandian maka selesailah majlis di rumah pengantin perempuan. Pada keesokan harinya pengantin perempuan akan pergi pula ke rumah pengantin lelaki yang mana ianya disebut sebagai menyalang.

iii. Menyalang

Pengantin perempuan akan pergi ke rumah pengantin lelaki dengan membawa bersama-sama nasi besar, dodol, wajik dan lain-lain. Apabila sampai di rumah lelaki upacara yang dilakukan adalah seperti apa yang dilakukan di rumah pengantin perempuan. Sebelum naik ke rumah orang yang menjemput akan menyebut pebilang;

" inilah yang dapat dibawak
kok wajik yang keras
kok telur sebuah
inilah yang dapat
diserahkan kepada lelaki "

Apabila pengantin naik ke atas rumah Dato Lembaga pihak perempuan akan menepung tawarkan pengantin. Pengantin juga akan dikenalkan dengan semua ahli keluarga. Pengantin tidak seharusnya tidur di rumah pengantin lelaki.

iv. Jalan Jejak

Jalan jejak ialah pengantin akan pergi berjalan ke rumah saudara mara yang terdekat. Ianya bertujuan untuk bermesra dan mengenali dengan lebih dekat lagi. Pengantin pergi ke rumah saudara mara dengan membawa dodol yang diisi ke dalam bekas yang dipanggil boko dan boko ini akan dibungkus dengan kain.

b. Olek Buapak

Olek buapak ialah kenduri kahwin yang dibuat oleh orang-orang yang kurang berkemampuan iaitu dalam erti kata lain dibuat secara sederhana sahaja selama dua hari dua malam atau satu hari sahaja. Di dalam olek buapak, tuan rumah dimestikan menyembelih kambing, kepalanya dimasak dan dikhaskan untuk hidangan buapak. Kepala kambing yang telah dimasak akan dimasukkan ke dalam pinggan, diisi ke dalam dulang dan ditutup dengan tudung saji dan diletakkan dipangkal serambi. Adat-istiadat lain adalah sama dengan olek biasa.

c. Olek Lembaga

Olek lembaga adalah bagi orang-orang yang lebih mampu. Lembaga turut hadir dalam memasang olek. Untuk olek lembaga tuan rumah akan menyembelih sekurang-kurangnya seekor kerbau dan olek diadakan tiga hari tiga malam. Jika tuan rumah membuat olek lembaga, semasa pengantin berarak pengantin boleh dikandar tetapi jika selain

dari olek buapak pengantin tidak boleh dikandar. Acara yang lain sama seperti olek biasa cuma jika olek lembaga, pada suatu sudut di dalam rumah iaitu dipangkal serambi, tabir lelangit akan dipasang kerana ianya merupakan satu cara menghormati lembaga dan ini adalah salah satu dari kebesarannya.

d. Olek Undang

Olek undang biasanya dibuat oleh orang yang cukup berada. Biasanya olek dibuat lebih lama iaitu tiga hari tiga malam dan kadang-kadang sampai tiga ekor kerbau disembelih. Biasanya masa pasang olek undang akan dipanggil untuk merasmikannya di samping itu segala buapak dari 12 suku akan dipanggil untuk buat olek.

Dalam majlis kahwin bila undang dijemput, persediaan-persediaan yang perlu dibuat ialah :-

1. Tabir langit-langit.
2. Tilam pandak - tilam biasa yang dialas sebagai tempat duduk.
3. Tepak sireh - sebanyak dua tepak sireh, satu diujung dan satu di pangkal serambi. Tepak sireh dibalut dengan kain songket.

Alat-alat ini adalah sebagai tanda kebesaran bagi ' undang '. Acara yang lain sama seperti olek biasa.

2.1.5 Kahwin Luar Biasa

a. Merumah

Merumah ialah apabila seorang lelaki mempunyai senjata yang tajam dan si perempuan setuju. Ia terjadi apabila pihak lelaki berhajat untuk meminang seorang perempuan tetapi peminangan ini tidak dipersetujui oleh ibu, bapa dan bapa saudara di sebelah pihak perempuan, tetapi gadis itu memang sukakan pemuda tersebut.

Mula-mula waris pihak lelaki datang ke rumah pihak perempuan dengan berpura-pura untuk mencari barang di rumah tersebut. Lelaki yang berhajat untuk memperisterikan perempuan tersebut juga dibawa bersama-sama tetapi disorok pada mulanya. Apabila waris lelaki tadi masuk ke dalam rumah si perempuan, pemuda tadi juga dibawa masuk dan terus masuk ke bilik perempuan yang berkenaan.

Di ketika itu, perempuan berkenaan sedang tidur dan waris lelaki akan menarik perempuan tersebut dan disuruh duduk. Selepas itu lelaki berkenaan mengambal kain sarung yang diselendangnya dan disarungkannya pada si perempuan dan beliau juga masuk ke dalam kain tersebut (dua orang di dalam satu kain). Di dalam kain, kedua-duanya duduk mengadap di antara satu dengan yang lain. Di ketika itu, lelaki tadi akan mengeluarkan keris atau pisau yang dibawanya dan mengacukannya

pada si perempuan.

Di waktu yang sama, waris si lelaki akan keluar bertemu dengan ibu bapa perempuan dengan mengugut bahawa perempuan mereka akan mati jika mereka menolak lelaki berkenaan. Dalam keadaan begini, ibu bapa perempuan terpaksa mengakui menerima si lelaki kerana ditakuti anak perempuan mereka akan mati.

Merumah adalah termasyhur kerana pemuda tersebut mempunyai senjata yang tajam dan duit yang banyak bak kata pebilang orang tua "berani, senjata tajam, bacal mulut, lasak tangan, emas padahnya".

Si pemuda dan si gadis terus dikahwinkan pada malam itu juga dan duit adat digandakan.

b. Menyerah

Menyerah ialah orang yang membuat ini ialah orang yang lebih duit dan perempuan bersetuju. Menyerah dilakukan dengan menghantar orang ramai yang membawa duit dan emas yang banyak bak kata pembilang "berani, senjata tajam, bacal mulut, lasak tangan, emas padahnya". Wakil lelaki akan memanggil emak si perempuan dengan mengatakan bahawa dia atau ada seseorang sakit.

Di ketika tuan rumah tadi membuka pintu, si lelaki

akan masuk dan duduk bersila di serambi. Pelita atau lampu dipadamkan. Sepanjang masa tersebut pihak si lelaki akan menghantar makanan kepada si lelaki. Ini berlaku sehingga ibu bapa perempuan yang dihajatkan itu bersetuju untuk menerima si lelaki sebagai menantu mereka.

Perkahwinan secara ini diselesaikan oleh Buapak ke dua-dua belah pihak dengan syarat selain daripada laki-laki yang menyerah itu membayar adat kahwin, beliau juga akan memberi "bunga pinang" iaitu pakaian sepersalinan dan juga "kain deraan cincin" seperti kata adat "orang menyerah tanda kaya".

Perkahwinan di antara kedua-dua pasangan tersebut kemudiannya dikahwinkan.

c. Kahwin Lari

Mengikut adat di Negeri Sembilan amnya, dan Rembau khasnya perkahwiman antara individu dari suku atau waris yang sama adalah tidak dibenarkan tetapi sebagai manusia biasa, perkahwinan seperti itu juga terjadi. Apabila berlaku perkahwinan seperti ini, pasangan tersebut tidak boleh duduk di kampung yang sama. Pihak perempuan tidak boleh menuntut harta pusaka yang sepatutnya diwarisinya.

d. Terkurung

Terkurung bermaksud apabila seorang lelaki dan seorang perempuan dijumpai melakukan perbuatan sumbang di dalam rumah. Di dalam keadaan ini adat memaksa keduanya dikahwinkan.

Terdapat dua cara bagaimana ditangkap iaitu sama ada mereka terkena serkap dengan tidak disangka-sangka atau sememangnya perbuatannya itu telah dirancang bersulit-sulit terlebih dahulu.

Berita kedua-dua pasangan itu terkurung akan disampaikan kepada Lembaga lelaki dan perempuan. Si lelaki tidak akan dibenarkan keluar dari kurungan sehingga lembaga sanggup mengisi adat salah-salahan.

Selepas Lembaga membayar adat salah-salahan, kedua-dua pasangan tersebut akan dikahwinkan.

2.1.6 Adat Istiadat Menunggu Kelahiran

a. Lenggang perut

Bahan-bahan dan alat-alat :

1. Bertih
2. Tepung tawar
3. Beras basuh
4. Beras kunyit
5. Kelapa muda (dibuat ukiran "cak rebung" dikulitnya)
6. Dua biji rebuk (seperti pasu)
7. Lilin kecil tiga batang
8. Syiling 50.10 (9 keping)
 - 30 sen diletakkan dalam kelapa
 - 30 sen diletakkan dalam tiap-tiap rebuk.
9. Enam helai kain batik
10. 2½ ela kain putih
11. Daun keladi tujuh helai
12. Bedak kunyit

Upacara "melenggang perut" ini dilakukan apabila seseorang wanita mengandungkan anak sulung atau pertama hasil dari perkahwinannya. Ianya dilakukan apabila usia kandungan mencapai tujuh bulan. Melenggang perut dilakukan dengan kepercayaan untuk menghalang segala yang tidak baik dalam masa ibu atau wanita tersebut mengandung dan juga dengan harapan wanita tersebut dapat melahirkan anaknya dalam keadaan selamat. Di samping itu juga adalah untuk menentukan kedudukan bayi dalam kandungan. Dalam upacara lenggang perut

ini bidan memainkan peranan utama.

Lenggang perut ini dibuat dalam satu kenduri, imam dan orang-orang kampung dijemput. Imam akan membacakan doa dan membuat air tolak bala. Selepas Imam membaca doa dan membuat air tolak bala, wanita yang mengandung di bawa ke muka pintu (bahagian halaman rumah atau dekat dengan tangga). Selepas di tepung tawar wanita tadi dimandikan dengan air dalam rebuk yang telah disediakan dan diikuti dengan air kelapa. Kemudian, bidan akan mengambil bedak kunyit, diletakkan atas satu helai daun keladi dan digosok pada perut dan diulengi sehingga tujuh helai (7 helai daun keladi). Selepas itu wanita tersebut dimandikan pula dengan air tolak bala dan di bawa naik ke atas rumah (dalam bilik). Enam helai kain disusun bertindih dan di atas sekali adalah kain putih. Wanita tadi di suruh baring atas kain. Perut ibu diurut atau diraba untuk menentukan usia kandungan sama ada betul atau tidak kandungannya berusia tujuh bulan dan bidan akan meramalkan bilakah masanya wanita tersebut akan bersalin. Kain yang di susun itu dilenggangkan pada perut wanita tersebut sehelai demi sehelai. Setiap helai kain yang dilenggangkan akan diludah oleh bidan dan dibuangkan ke arah pintu. Maka selesai upacara lenggang perut bidan akan duduk dengan keadaan kaki berlunjur di muka pintu.

b) Tempah bidan

Selepas upacara Melenggang perut bidan akan duduk berlunjur dengan keadaan kaki terbuka di muka pintu. Sireh, kapur, gambir, pinang dan tembakau yang telah di sediakan di dalam pinggan. Nenek bagi wanita yang mengandung tadi akan dijemput untuk " menempah bidan ". Nenek wanita tersebut akan menangkupkan sireh dan bahan-bahan yang lain di dalam pinggan di atas kain bidan. Bidan akan mengatur sireh, pinang dan lain-lain di depannya. Sireh di susun dua helai bagi setiap satunya dan kemudian di bilang dengan aturan "Ali", "Fatimah", "Adam" dan "Hawa". Gambir, pinang dan tembakau dibuat seperti itu juga. Jika kedua-duanya (sireh dan bahan-bahan lain) terhenti pada bilangan Hawa atau Fatimah. Maka anak diramalkan perempuan dan jika keadaan sebaliknya berlaku maka anak yang bakal lahir diramalkan adalah lelaki. Setelah semuanya selesai maka tamatlah upacara 'lenggang perut' dan 'tempah bidan'. Kain putih dan sireh diberikan kepada bidan.

2.I.7. Penceraian

Penceraian dibahagikan kepada cerai mati dan cerai hidup.

I. Bercerai hidup:

Ada 3 jenis iaitu:-

a. Talak yang sengaja dijatuhkan oleh laki-laki

Laki-laki boleh menjatuhkan talak ke atas isterinya dengan tidak payah menerangkan sebab-sebabnya. Lafaz menjatuhkan talak tidaklah mustahak di hadapan saksi, bahkan dengan surat pun diakui sah. Dalam pada itu mengikut adat, Si lelaki adalah lebih dahulu akan mengumpulkan orang-orang tempat semendanya semasa hendak menjatuhkan talak dan dengan membayar 36 ¢ bagi ' penimbang kesudahan '. Jika ia hendak menerangkan perkara-perkara yang tidak memuaskan hati akan layanan isteri terhadap dirinya dia akan membayar 2 ¢ sahaja pada masa itu.

Maka di dalam iddah bercerai tidak menjadi halangan baginya untuk merujuk atau si perempuan menjemput si laki-laki pulang bagi mengikat pendamaian semula.

b. Isteri meminta cerai dengan membayar 'tebus talak'

Seorang perempuan boleh menuntut cerai dengan syarat si suami sanggup menerima ' tebus talak '. Di Rembau , si lelaki yang menetapkan bayaran ini mengikut seberapa layaknya dan diluluskan oleh agama Islam.

c. Bercerai dengan jalan fasakh

Bercerai dengan cara ini boleh dijalankan setelah si isteri menerangkan dengan sđjelas-jelasnya apa yang berlaku di antara dia dan suaminya, iaitu dia telah ditinggalkan oleh suaminya dengan tidak menyempurnakan nafkah zahir dan batin. Si isteri boleh menuntut fasakh jika ditinggalkan enam bulan di darat atau setahun di laut walaupun nafkah ada dikirimkan atas kadarnya, jika telah ada ikrarnya terlebih dahulu, kerana kehendak nafkah bukanlah sekadar nafkah zahir sahaja tetapi termasuk nafkah batin juga.

Fasakh ialah hukuman yang sah , tujuannya supaya meringankan beban perempuan yang tidak tahan lagi kesengsaraan akibat ditinggalkan oleh suaminya. Oleh sebab itulah semasa mengucapkan akad nikah dan mendaftarkan perkahwinan pernah dimasukkan syarat - syarat ta'lik; supaya apabila tiba masalahnya tidak payah lagi terpinta-pinta dan mengadu kesana kemari.

Si isteri yang bercerai mengikut ta'lik jika hendak berkahwin sebelum habis iddahnya seratus hari maka dia kenalah membayar dua puluh rupiah kepada emak mertuanya sebagai ' pengiring tikar bantal ' bekas suaminya.

Adat bagi menetapkan pembahagian harta pada masa bercerai suami isteri adalah terkandung di dalam empat rangkap perbilangan dalam mana 3 rangkap yang berikutnya

terikat kepada rangkap yang pertama iaitu:-

1. " Berseorangan beragih , berkuat.. berbelah ".
2. Carian bahagi
3. Pepatah tinggal
4. Pembawa kembali.

Pembahagian harta ini mengikut adat hendaklah dibuat sebelum atau semasa lafaz talak dijatuhkan. Seorang lelaki jika pada masa menjatuhkan talak ke atas isteri nya tidak menuntut bahagiannya di dalam harta maka hilanglah bahagiannya mengikut peraturan dari segi adat. Pembahagian ini hendaklah dibuat di hadapan Buapak atau Lembaga.

Harta Carian ialah penghasilan yang diperolehi oleh suami dan isteri semasa hidup berdua. Mengikut adat pembahagian harta carian suami isteri bergantung kepada beberapa kes khas yang mustahak sahaja seperti:

- i. Jika perkahwinan itu mendapat anak , maka harta carian suami isteri tidaklah dibahagikan, melainkan akan tinggal kepada isteri buat pembela anaknya. Si suami akan membawa bersamanya pakaian sahaja semasa keluar dari rumah.

Adat berkuasa menahan harta kerana anak sebab mengikut adat perempuanlah yang sebenarnya bertanggungjawab menjaga anak. Walaupun bercerai mati segala harta si mati diserahkan kepada bekas isterinya.

Harta-harta yang dibuat seperti rumah, yang dibina hasil harta pusaka, dan juga barang-barang kemas serta pakaian perempuan akan diserahkan kepada perempuan. Pihak lelaki tiada bahagian dalam harta-harta seperti ini, kecuali yang dipakai oleh lelaki sahaja atau senjata yang dibeli semasa perkahwinan.

2. Cerai mati

Jika berlaku cerai mati, maka yang hidup jika tiada anak, setelah menolak belanja menyelamatkan kematian yang ditanggung di atas harta carian itu juga maka barulah dibahagi bakinya itu di antara yang tinggal dengan kadim si mati, itupun setelah mengikut syarat - syarat peraturan pembahagian mengikut adat seperti yang tersebut di atas maka barulah harta carian dibahagikan. Jika penceraian itu mengikut ta'lik maka tiadalah hak bagi laki-laki.

Pihak lelaki tidak boleh menuntut bahagian dari harta isterinya kerana harta ini secara automatik akan tinggal pada isterinya. Tuntutan waris pihak lelaki jikalau dia meninggal dunia, hanya terhad kepada harta pembawa pada masa berkahwin dahulu sahaja.

Apabila seorang lelaki bercerai (isterinya mati) maka ia adalah tanggungan emak atau saudara perempuannya. Tanggungan yang dimaksudkan ialah dari segi makan dan minumannya. Ini berterusan sehingga dia berkahwin lagi.

2.1.8. Adat Kematian

Adat kematian ini hanya wujud pada masa Dato'- Dato' meninggal dunia. Dalam upacara istiadat memakamkan seorang Dato' di Rembau, terdapat 2 perkara yang penting iaitu:- pertama, mengikut adat jika didapati pada hari memakamkan itu perut lembaga tidak menjalankan istiadat maka perbuatan yang sedemikian adalah memalukan keluarga suku itu sendiri dan oleh yang demikian maka akan hilanglah pesaka gelaran ini bagi perut tersebut apabila tiada orang yang akan menggantikannya kelak.

Perkara yang kedua penting dalam adat kematian ini adalah adat atau keadaan istiadat yang dijalankan ini adalah sebagai keterangan yang menunjukkan kebesaran dan taraf Dato' tersebut; Yakni bahawa inilah gambaran yang sebenar-benarnya yang menunjukkan kelayakan sesuatu perut itu menyandang pesaka agar tiada orang yang tidak layak menuntut pesaka yang tinggi darjahnya.

Perkara yang dilakukan semasa istiadat

1. Adat dan istiadat yang ditetapkan bagi memakamkan Undang atau isterinya jika wafat dahulu daripadanya.

a. Di dalam rumah

Tabir dipasang dan langit-langit terbentang di atas tempat jenazah terbujur. Tiang rumah dibalut dengan kain sementara di dalam bilik jenazah terbujur tersimpai lapen kain benang emas dan lapen juga di serambi. Tujuh das peluru dilepaskan.

b. Di halaman rumah

Empat bilah keris panjang, empat bilah pedang dan empat batang tombak di tikam dan tercacak ke tanah. Selain daripada itu empat kaki payung dikembangkan iaitu :- tunggul , merual, ular-ular dan fajar menyingsing. Kesemuanya dikibarkan dan 2 buah bendera pada tiap-tiap jenis payung tadi.

Setelah semua 24 alat kebesaran ini terpasang di halaman, lembaga-lembaga akan mengadakan kerapatan bagi memilih ganti undang yang mangkat itu. Jenazah diletakkan di atas kenderaan tiga tingkat yang diperbuat daripada batang pinang dan diusung ke majlis itu.

Pada masa jenazah dimasukkan ke dalam keranda, empat orang perempuan duduk disisinya memegang kandi, cerana (tepak sireh), mangkok tepung tawar dan perasapan. Istiadat ini dinamakan ' Menyelampai ' dan empat orang lagi menabur sedekah dan memukul canang.

Setelah semua perkara di atas dilakukan maka tamatlah istiadat di luar rumah. Selepas itu barulah berarak ke perkuburan. Usungan jenazah hendaklah berjalan di atas jalan yang telah dibentangkan kain putih. Apabila sampai di kubur, lembaga-lembaga pun duduk di atas tanah menerima sedekah mengikut kadarnya dan pada tempat masing-masing iaitu ;

kepada lembaga yang berlapang,
kepada yang berlima di baroh,
kepada yang berempat di darat,
kepada empat orang besar Undang.

Sama ada mefeka ini hadir ataupun tidak mereka akan tetap mendapat sedekah sebungkus berisi 18¢ seorang atau jikalau isteri mereka hadir, akan menerima sebungkus berisi 36 ¢. Kepada hulubalang, sebungkus berisi 12 ¢ atau jikalau isteri hadir, sebungkus berisi 24 ¢. Jika isteri mereka tidak hadir maka tidak akan diberi.

Setelah semua sedekah diedarkan maka jenazah pun dimasukkan ke dalam kubur.

2. Adat dan istiadat memakamkan lembaga iaitu :-

Lembaga yang berlapang

lembaga yang duabelas

Empat orang besar undang

atau isteri-isteri mereka jikalau kembali ke rahmatullah dahulu daripada suami.

a. Di dalam rumah

Adatnya sama dengan seperti yang dilakukan dalam Undang hanya sekadar ianya melakukan tiang berpallut kain dan mengadakan lapan simpaian kain benang emas.

b. Di halaman rumah

Lebih kurang sama dengan bilangan alat-alat kebesaran yang diuntukkan bagi Undang tetapi tiada menggunakan canang. Bagi Dato'-Dato' di darat tidak ada bertabur sedekah dan tidak ada melakukan kain terbentang pada

jalan ke kuburan. Berkenaan dengan sedekahnya ianya adalah sama seperti adat memakamkan Undang tetapi sedekah hanya terkhas kepada siapa-siapa yang hadir di dalam upacara memakamkan ini sahaja.

Tiada upacara yang khas bagi memakamkan ibu-bapa (Buapak) atau orang Besar Suku.

3.0 EKONOMI

3.1 Adat Istiadat Pertahanan

a. Berpuar

Ianya adalah satu kegiatan yang mengarah kepada ekonomi di mana ia tertumpu kepada kegiatan penanaman padi. Berpuar adalah sejenis adat pemujaan ghaib yang diadakan untuk penunggu atau keramat di sesuatu tempat pada satu-satu kawasan.

Permohonan dilakukan pada kuasa ghaib agar aktiviti pertanian yang dijalankan terpelihara daripada sebarang musuh seperti babi, tikus, burung dan lain-lain lagi. Di samping itu permohonan juga dilakukan agar buah-buah padi menjadi dan mendapat hasil yang banyak di mana dipercayai semangat padi tidak lari dan mendapat rezeki yang lumayan.

Biasanya upacara berpuar ini dikepalai atau diketuai oleh 'Tok Pawang'. Tok Pawang akan melakukan beberapa acara yang melakukan acara yang meyakinkan bagi permohonan kepada Allah S.W.T supaya sawah mereka mendapat hasil yang lebih diajukan kepada Allah S.W.T melalui kuasa ghaib.

Tok Pawang menjalankan upacara 'persemahan' kerana ia mempunyai kewibawaan tentang ilmu mentera atau jampi-serapah dibaca menerusi bait-bait puisi yang menarik dengan diselitkan dengan kalimat-kalimat Allah.

Upacara membaca doa dibuat sebulan atau 2 minggu dari 'Pesta Berpuar'. Membaca doa dijalankan di ulu sungai tempat di mana air mengalir ke sawah. Upacara ini dihadiri oleh setiap keluarga di mana mereka ini akan membawa makanan sendiri berupa nasi sepinggan dan lauk dibungkus dengan sehelai saputangan. Pinggan yang digunakan ialah pinggan putih atau mangkuk sabun.

Untuk memulakan upacara semua hulubalang dipanggil yang terdiri dari anak-anak muda belasan tahun daripada suka-suku yang ada di kampung tersebut. Adat kelengkapan yang disediakan adalah tepung tawar. Pasing membaca serapa untuk menghalau hantu dan diikuti oleh hulubalang membaling ketupat untuk menghalau hantu. Adalah diingatkan bahawa mereka tidak boleh bersorak semasa membaling.

Alat-alat lain yang digunakan ialah tetawak atau gong, canang, kain hitam (untuk mengebas), 3 batang pokok puar di mana alat-alat ini dibawa oleh puak-puak.

Setelah selesai upacara pemujaan, bacaan doa diadakan sebelum bacaan doa diadakan, mereka dilarang untuk makan.

Selepas makan, acara jampi serapah dibuat sekali

lagi. Tiga batang puar tadi digunakan untuk membaling di mana satu puar ke kanan, satu ke kiri dan satu lagi dipakai oleh pawang dalam perjalanan pulang ke rumah kerana batang puar ini dipercayai ini dapat membaling hantu.

Di dalam perjalanan, tetawak dan canang dipalu dan tidak seorang pun dibenarkan mendahului pawang

Hari Jamu dilakukan selepas menuai. Jika orang lain yang mendahului pawang, dia akan menerima padah umpamanya muntah darah, demam dan lain-lain. Jika perkara ini berlaku juga, buapak akan menemui tok pawang dan satu upacara pendamaian dengan menyembelih ayam atau kambing diadakan.

Jika makan sebelum berdoa, akan menyebabkan lelah dan denda yang dikenakan ialah membuat cendol tujuh dulang dan dijamukan pada kanak-kanak.

b. . Menyemai

Tapak semaian disediakan. Mula-mula batang setambun diambil beserta dengan rantingnya dan daunnya di buang. Ketupat pulut sebanyak empat puluh empat biji disangkutkan pada kantung. Batang setambun pula dicacak di tengah-tengah kawasan sawah atau tapak semaian.

Satu 'ancak buluh' dibuat di bawah pokok setambun, diletak 'bara' dan kemenyan kemudiannya dibakar. Mentera dibacakan untuk mendapat benih yang baik. Setelah cukup empat puluh hari benih boleh dicabut untuk dipindah ke sawah. Tiap-tiap satu rumpun anak benih terdiri daripada tujuh batang di dalam sawah.

Di antara pantang larang yang terkandung semasa menyemai ialah:

- i. Tidak boleh bersiul kerana ditakuti burung akan datang.
- ii. Tidak boleh menyepak air di dalam sawah kerana ditakuti padi akan diserang ulat.
- iii. Semasa melawat benih, jika ada burung tidak boleh disorak kerana dikhuatiri burung akan bertambah banyak.

c. Turun benih

Turun benih dilakukan sebelum menyemai biji benih. Lengkuas, cekur, jerangau dan melai ditumbuk hingga hancur. Limau nipis dan biji dihiris dan dibubuh di dalam semangkuk air dan diramas.

Benih yang telah direndam semalaman dan diletak di atas rumah selama dua malam dan dilambakkan di atas tikar. Bahan ini yang telah ditumbuk di siram dan direnjiskan dengan air limau. Benih

itu kemudiannya disikat dengan sikat dan dilonggokkan seperti 'busut'.

Disamping menyikat dan melonggokkan benih, orang tersebut akan menyanyi:

'Kus semangat anakku lengkesa
aku turunkan kau ke bumi hari ini
cukup enam bulan aku panggil
kau naik ke rumah semula'

d. Turun ke sawah

Orang kampung yang diketuai oleh tok pawang pergi ke tempat yang dipercayai mempunyai keramat di dalam kampung. Tujuannya ialah semasa bekerja di sawah nanti orang-orang kampung sikat sehingga hasil dikutip.

Tok pawang memakai kain kuning yang dililit atas kepala dan kain hitam di selendang atas bahu.

Orang di bawahnya adalah khalifah yang terdiri dari seorang perempuan yang memakai tengkolok kain hitam. Khalifah menyediakan satu salai yang diisi dengan nasi pulut sebanyak tiga kepal, nasi biasa sebanyak tiga kepal, telur mentah tiga biji, bubur merah tiga sudu (yang dibuat daripada tepung campur gula merah), bubur putih tiga sudu dan pisang tiga biji. Kesemua bahan-bahan ini di bubuh di dalam daun.

Selepas itu penjaga-penjaga keramat dipanggil oleh tok pawang dan doa pun dibaca.

Barang-barang yang ada iaitu lebih dari yang di letak atas salai itu dimakan bersama-sama.

Orang-orang kampung disuruh berjalan dahulu apabila pulang dan pawang serta khalifah berjalan kemudian kerana dipercayai semasa perjalanan pulang penunggu keramat tersebut ada mengekori dari belakang.

4.0. Penutup

Dalam menjayakan kertas kerja ini kumpulan kami telah pergi ke kampung Kundur Tengah di Pedas , Negeri Sembilan. Untuk mencari maklumat yang diperlukan kami telah mengadakan temubual dengan penduduk di kampung tersebut terutama orang-orang tua. Di samping itu juga kami telah pergi ke Taman Seni Budaya untuk mendapatkan maklumat tentang peralatan untuk perkahwinan. Kami juga telah menemubual Datuk Purba Abdul Aziz untuk mendapatkan keterangan lanjut tentang Adat di Rembau. Sebagai kesimpulannya , dengan adanya kertas kerja ini ianya telah membolehkan kami mengetahui tentang Adat di Rembau dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu juga ianya telah memberi banyak pengalaman kepada kami .

Sekian.

Rujukan

1. C.W.C. FARR dan , (1953) Rembau (terjemahan oleh
W.H. MACKRAY Abas bin Haji Ali).
2. JUJURI DATUK BENDAHARA , Pertalian Minangkabau dan
LUBUK SATI Negeri Sembilan.
3. Penduduk kampung Kundur Tengah , Negeri Sembilan.
4. Datuk Purba Abdul Aziz. (Daerah Rembau).

L A M P I R A N



Majlis Khatam Quran, di hadapannya
iala h bunga telur dalam pahar.



Dulang kaki yang digunakan
untuk menghantar pebuka
di bulan puasa.



Dulang kaki, pandangan dari
atas.



Acara menepung tawar rumah sebelum
kenduri diadakan kelihatan khalifah
sedang membantu.

24



Menepung tawar sebelum majlis
dimulakan.



Tepak sireh yang masih belum di-
bungkus bersama-sama susunan
bahan di dalamnya dan peminang
di belakang.



Tepak sireh yang telah siap
dibungkus, bahagian depan
(adalah bahagian yang ada
bunga)



Tepak sireh yang telah siap
dibalut dengan kain songket
dan peminang yang telah sedia
disusun.



Sanggul yang digunakan oleh
pengantin perempuan.



Pelamin yang digunakan untuk
persandingan orang dulu.



Pengantin di atas pelamin,
diapit oleh kedua-dua
pengapit.



Pakaian pengantin lelaki
bersama tengkolok, selempang
dan hiasan dileher.



Pakaian pengantin perempuan
bersama hiasan leher.



Pengantin lelaki sedang diarak
menuju ke rumah pengantin
perempuan



Rebana yang digunakan untuk
mengarak pengantin.



Bahagian dalam sebuah rebana.



Pencak silat semasa pengantin
bersanding di halaman rumah.


5



Bunga telur dalam pahar dan dodol
yang diisi dalam semerit dibawa
ke rumah pengantin lelaki semasa
"menyalang".



Bahagian bawah semerit.



Semerit yang digunakan untuk
mengisi dodol yang dibawa ke
rumah pengantin lelaki semasa
pergi menyalang.



Bakulsia dari pandangan sisi.



Pandangan dari dalam bakulsia.



Bakulsia yang digunakan untuk
membawa buah tangan.



Kelapa yang dibuat "cak rebung",
digunakan dalam melenggang perut.



Mak andam sedang menepung tawar
ibu yang mengandung dalam upacara
melenggang perut.



Bidang sedang melenggangkan
kain batik di perut di perut
ibu yang mengandung.

Kain putih adalah kain pertama
yang dilenggangkan di perut
ibu yang mengandung.

